

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA PANDUAN 20****PERUNTUKAN PENJIMATAN DAN PERALIHAN**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 3 Ogos 2009	Kaedah 8.03, 8.04, 13.04, 13.05 dan 16.11

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Panduan ini menyatakan kehendak yang mesti dipatuhi oleh perbadanan tersenarai yang berkaitan akibat dari pindaan-pindaan kepada Kaedah 8.03 dan 8.04, Nota Panduan 2 dan 3 dari Kehendak-kehendak Penyenaraian yang berkuat kuasa pada 3 Ogos 2009.
- 1.2 Nota Panduan ini terpakai kepada perbadanan tersenarai berikut yang tertakluk kepada Kehendak-kehendak Penyenaraian berikut sebelum 3 Ogos 2009:
- (a) Syarikat GN2 Asal - Kaedah 8.14 dan Nota Panduan 2/2006 dari 8 Mei 2006 hingga 2 Ogos 2009 ("Rangka Kerja GN2 Asal", yang dinyatakan dalam Tambahan GN20-A); dan
 - (b) Syarikat GN3 Asal - Kaedah 8.16 dan Nota Panduan No. 3/2006 dari 8 Mei 2006 hingga 2 Ogos 2009 ("Rangka Kerja GN3 Asal", yang dinyatakan dalam Tambahan GN20-B).

2.0 Peruntukan Penjimatan dan Peralihan untuk Syarikat GN2 dan GN3 Asal

- 2.1 Pindaan pada Rangka Kerja GN2 dan GN3 Asal yang berkuat kuasa mulai 3 Ogos 2009 yang dalam apa cara pun hendaklah tidak akan mempengaruhi kewajipan perbadanan tersenarai yang -
- (a) telah dianggap sebagai Syarikat Tunai menurut Kaedah 8.14; atau
 - (b) mencetuskan mana-mana kriteria yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 GN3, sebelum 3 Ogos 2009 di bawah Rangka Kerja GN2 atau GN3 Asal, dalam kes yang berkenaan.
- 2.2 Tertakluk kepada perenggan 2.3 di bawah ini, Syarikat GN2 atau GN3 Asal mesti terus mematuhi dengan kewajipan mereka di bawah Rangka Kerja GN2 atau GN3 Asal, dalam kes yang berkenaan.
- 2.3 Walau apa pun perenggan 2.2 di atas, Syarikat GN2 atau GN3 Asal boleh memohon kepada Bursa untuk menyelaraskan keadaannya di bawah Kaedah 8.03 dan Nota Panduan 2 atau Kaedah 8.04 dan Nota Panduan 3 dari Kehendak-kehendak Penyenaraian yang berkuat kuasa pada 3 Ogos 2009, dengan syarat Syarikat GN2 dan GN3 Asal tersebut masih dalam rangka masa yang ditentukan atau dilanjutkan yang diberikan oleh Bursa untuk menyerahkan

cadangannya untuk menyelaraskan keadaannya di bawah Rangka Kerja GN2 atau GN3 Asal, dalam kes yang berkanaan.

TAMBAHAN GN20-A**Rangka Kerja GN2 Asal**
(perenggan 1.2(a))**[Pengeluaran Semula Kaedah 8.14]****“8.14 Syarikat Tunai**

- (1) Perbadanan tersenarai yang dianggap sebagai "Syarikat Tunai" oleh Bursa mesti mematuhi kehendak yang boleh ditetapkan oleh Bursa, jika tidak Bursa boleh membatalkan penenaraain perbadanan tersenarai tersebut.
- (2) Perbadanan tersenarai yang asetnya secara penyatuan, terdiri dari 70% atau lebih tunai atau pelaburan jangka pendek, atau gabungan kedua-duanya, mesti memberitahu Bursa dengan serta merta mengenai hal yang sama secara bertulis (disebut sebagai "Kriteria Tunai " di Bahagian E ini). Bursa akan membuat suatu penentuan sama ada perbadanan tersenarai tersebut hendaklah dianggap sebagai Syarikat Tunai menurut Subkaedah (1) di atas. Perbadanan tersenarai yang dianggap sebagai Syarikat Tunai oleh Bursa akan diberitahu oleh Bursa (disebut sebagai "Notis" dalam Bahagian E ini).
- (3) Bagi maksud Subkaedah (2) di atas, yang berikut hendaklah terpakai -
 - (a) Perbadanan tersenarai mesti, sebagai kehendak minimum, membuat suatu penentuan sama ada ia mencetuskan Kriteria Tunai ketika melupuskan aset atau perniagaannya secara kumpulan atau menyiapkan penyata kewangan atau akaunnya; dan
 - (b) "pelaburan jangka pendek" ertinya pelaburan yang sifatnya boleh realisasikan secara mudah dan dirancang untuk dipegang untuk 12 bulan atau kurang termasuk kepentingan (ekuiti atau selainnya) dalam syarikat.
- (4) Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak tambahan berikut: -
 - (a) menelaraskan keadaannya dengan cara berikut: -
 - (i) menyerahkan satu cadangan untuk menelaraskan keadaannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk kelulusan (secara kolektif disebut sebagai "Pihak Berkuasa Meluluskan" dalam Bahagian E ini) dalam rangka masa yang boleh ditentukan oleh Bursa; dan
 - (ii) melaksanakan cadangannya untuk menelaraskan keadaannya dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Meluluskan;
 - (b) memberikan apa-apa maklumat yang boleh ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk penyiaran awam; dan
 - (c) melakukan apa-apa tindakan atau perkara lain yang boleh dikehendaki oleh Bursa.
- (5) Bagi maksud Subkaedah (4)(a) di atas, "cadangan untuk menelaraskan keadaan" merujuk kepada cadangan yang bersifat substantif dan termasuk dalam lingkungan seksyen 212 CMSA (disebut sebagai "Cadangan Itu "dalam Bahagian E ini).
- (6) Syarikat Tunai yang gagal untuk mematuhi Subkaedah (4)(a) di atas atau yang Cadangannya adalah ditolak oleh Pihak Berkuasa Meluluskan, boleh mendapati sekuriti tersenarainya digantung dan diikuti prosedur pembatalan penyenaraian dimulakan terhadap Syarikat Tunai.

- (7) Jika Syarikat Tunai telah menyempurnakan pelaksanaan Cadangannya, ia mesti menyerahkan satu permohonan kepada Bursa bersama-sama semua bukti dokumentari yang diperlukan untuk menunjukkan bahawa ia bukan lagi Syarikat Tunai."

[Pengeluaran Semula Nota Panduan No 2/2006]**“NOTA PANDUAN NO. 2/2006****SYARIKAT TUNAI**

Dikeluarkan berhubung Kaedah 8.14, 16.02 dan 16.09 Kehendak-kehendak Penyenaiaan;

Dan

Menurut Kaedah 2.09 dan 2.20 Kehendak-kehendak Penyenaiaan.

1.0 Pengenalan

- 1.1 Kaedah 8.14(1) Kehendak-kehendak Penyenaiaan menyatakan bahawa perbadanan tersenarai yang dianggap Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak yang boleh ditetapkan oleh Bursa.
- 1.2 Berkenaan dengan ini, Nota Panduan ini menyatakan kehendak yang mesti dipatuhi oleh Syarikat Tunai.
- 1.3 Tidak ada apa-apa dalam Nota Panduan ini yang akan dibaca untuk menyekat keluasan makna Kaedah 8.14 Kehendak-kehendak Penyenaiaan.
- 1.4 Peruntukan Nota Panduan ini adalah dalam pembesaran dan bukan dalam pengurangan kewajipan perbadanan tersenarai yang terkandung di dalam Kehendak-kehendak Penyenaiaan.

2.0 Kewajipan Penzahiran Syarikat Tunai

- 2.1 Syarikat Tunai mesti mematuhi kehendak penzahiran berikut. Syarikat Tunai mesti: -
 - (a) setelah menerima Pemberitahuan (sebagaimana ditakrifkan dalam Kaedah 8.14 (2) Kehendak-kehendak Penyenaiaan) mengumumkan dengan serta merta kepada Bursa yang berikut (selanjutnya disebut sebagai "Pengumuman permulaan"): -
 - (i) bahawa perbadanan tersenarai adalah Syarikat Tunai;
 - (ii) kewajipan dari Syarikat Tunai menurut Nota Panduan ini;
 - (iii) akibat dari ketidakpatuhan dengan kewajipan sebagaimana yang disebut sebelum ini; dan
 - (iv) status dari cadangan Syarikat Tunai untuk mematuhi kewajipan yang dinyatakan dalam Kaedah 8.14(4)(a) Kehendak-kehendak Penyenaiaan, atau status usaha/langkah-langkahnya untuk merumuskan suatu cadangan tersebut, mana yang berkenaan, atau jika tidak ada cadangan atau usaha untuk merumuskan cadangan tersebut telah dilakukan, pernyataan negatif yang sesuai untuk hal itu;
 - (b) mengumumkan status cadangannya sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (a)(iv) di atas dan bilangan bulan sehingga akhir rangka masa berkaitan sebagaimana yang disebut dalam perenggan 3.1 atau 3.2 di bawah, mana yang

berkenaan, secara serentak dengan pengumuman laporan suku tahunannya menurut Kaedah 9.22 Kehendak-kehendak Penyenaraian dan dalam keadaan apa pun selewat-lewatnya 2 bulan selepas akhir setiap suku tahun kewangan sehingga notis lebih lanjut dari Bursa;

- (c) mengumumkan pematuhan atau ketidakpatuhannya dengan kewajipan tertentu yang dikenakan menurut Nota Panduan ini dengan segera; dan
- (d) mengumumkan perincian Cadangan sebagaimana yang disebut dalam Kaedah 8.14 (5) Kehendak-kehendak Penyenaraian di mana pengumuman mesti memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 2.2 di bawah (selanjutnya disebut sebagai "Pengumuman Diperlukan").

2.2 Pengumuman Diperlukan mesti memenuhi syarat-syarat berikut: -

- (a) pengumuman mesti mengandungi perincian Cadangan dan garis masa untuk menyempurnakan pelaksanaan Cadangan; dan
- (b) mesti diumumkan oleh Penasihat.

2.3 Syarikat Tunai mesti memastikan bahawa sebelum membuat Pengumuman Diperlukan, semua perjanjian yang akan dimeterai dengan pihak ketiga sebagai sebahagian dari Cadangan, telah dilaksanakan dengan sewajarnya oleh semua pihak dalam perjanjian tersebut.

3.0 Kewajipan untuk Menyelaraskan

3.1 Syarikat Tunai mesti menyerahkan Cadangan, sebagaimana yang disebut dalam Kaedah 8.14 (5) Kehendak-kehendak Penyenaraian, kepada Pihak Berkuasa Meluluskan berkaitan sebagaimana yang disebut di dalam Kaedah 8.14(4)(a)(i) Kehendak-kehendak Penyenaraian untuk kelulusan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Pengumuman Permulaan.

3.2 Syarikat Tunai mesti melaksanakan Cadangan itu dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Meluluskan.

4.0 Tarikh Kuat kuasa

4.1 Nota Panduan ini berkuat kuasa 8 Mei 2006."

TAMBAHAN GN20-B**Rangka Kerja GN3 Asal**
(perenggan 1.2(b))**[Pengeluaran Semula Kaedah 8.16]****“8.16 Keadaan kewangan dan tahap operasi**

- (1) Keadaan kewangan dan tahap operasi perbadanan tersenarai secara penyatuan mesti, menurut pendapat Bursa, mewajarkan penerusan perdagangan dan/atau penyenaiaan di Senarai Rasmi, jika tidak Bursa boleh penyenaiaan perbadanan tersenarai tersebut .
- (2) Bursa boleh menetapkan kriteria tertentu berhubung keadaan kewangan dan tahap operasi perbadanan tersenarai (disebut sebagai "Kriteria Ditetapkan" dalam Bahagian E ini), pemenuhan satu atau lebih darinya akan menghendaki syarikat tersenarai (disebut sebagai "Syarikat Tersenarai Terlibat" dalam Bahagian E ini) untuk mematuhi kehendak tambahan berikut: -
 - (a) menyelaraskan keadaannya dengan cara berikut (disebut sebagai "kewajipan untuk menyelaraskan" dalam Bahagian E ini): -
 - (i) menyerahkan satu pelan untuk menyelaras keadaannya kepada Suruhanjaya dan pihak berkuasa lain berkaitan untuk kelulusan, (secara kolektif disebut sebagai "Pihak Berkuasa Meluluskan" dalam Bahagian E ini) dalam rangka masa yang boleh ditentukan oleh Bursa (disebut sebagai "Rangka Masa Penyerahan" dalam Bahagian E ini); dan
 - (ii) melaksanakan pelannya untuk menyelaraskan keadaannya dalam rangka masa yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Meluluskan yang berkaitan (disebut sebagai "Rangka Masa Pelaksanaan" dalam Bahagian E ini),

(Rangka Masa Penyerahan dan Rangka Masa Pelaksanaan akan disebut secara kolektif sebagai "Rangka Masa Ditetapkan" dalam Bahagian E ini);
 - (b) memberikan apa-apa maklumat sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa untuk penyiaran awam; dan
 - (c) melakukan tindakan atau perkara lain sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh Bursa.
- (3) Bagi maksud Subkaedah (2)(a) di atas, suatu "pelan untuk menyelaraskan keadaannya" merujuk kepada pelan yang bersifat substantif dan termasuk dalam bahagian 212 CMSA (disebut sebagai "Pelan Penyelarasan" dalam Bahagian E ini).
- (4) Syarikat Tersenarai Terlibat yang gagal untuk mematuhi kewajipan untuk menyelaraskan akan mendapati semua sekuriti tersenarainya akan digantung dari perdagangan pada hari pasaran ke-5 selepas peluputan Rangka Masa Penyerahan atau Rangka Masa Pelaksanaan yang berkaitan, dalam kes yang berkanaan, dan prosedur pembatalan penyenaiaan akan dimulakan terhadap Syarikat Tersenarai Terlibat tersebut.
- (5) Jika Syarikat Tersenarai Terlibat telah menyerahkan Pelan Penyelarasannya kepada Pihak Berkuasa Meluluskan untuk kelulusan sebelum peluputan Rangka Masa Penyerahan tetapi Pelan Penyelarasan itu ditolak oleh Pihak Berkuasa Meluluskan, yang berikut akan terpakai: -

- (a) jika penolakan berlaku selepas peluputan Rangka Masa Penyerahan, perdagangan semua sekuriti tersenarai Syarikat Tersenarai Terlibat akan digantung pada hari pasaran ke-5 selepas pengumuman Syarikat Tersenarai Terlibat mengenai penolakan Pihak Berkuasa Meluluskan dan prosedur pembatalan penyenaiaan terhadap Syarikat Tersenarai Terlibat tersebut; atau
- (b) sekiranya penolakan berlaku sebelum peluputan Tempoh Masa Penyerahan, perdagangan semua sekuriti tersenarai Syarikat Tersenarai Terlibat akan digantung pada hari pasaran ke-5 selepas peluputan Tempoh Masa Penyerahan dan prosedur pembatalan penyenaiaan akan dimulakan terhadap Syarikat Tersenarai Terlibat tersebut melainkan sama ada:
 - (i) Syarikat Tersenarai Terlibat menyerahkan satu Pelan Penyelarasan yang baru atau yang telah disemak kepada Pihak Berkuasa Meluluskan untuk kelulusan dalam Rangka Masa Penyerahan; atau
 - (ii) Syarikat Tersenarai Terlibat merayu terhadap penolakan Pihak Berkuasa Meluluskan dan rayuan itu belum selesai pada peluputan Rangka Masa Penyerahan.
- (6) Dalam kes Syarikat Tersenarai Terlibat yang termasuk dalam keadaan yang dijelaskan di bawah Subkaedah (5)(b)(ii) di atas dan rayuan yang telah difailkan oleh Syarikat Tersenarai Terlibat dengan Pihak Berkuasa Meluluskan tidak berjaya, perdagangan semua sekuriti tersenarai Syarikat Tersenarai Terlibat akan digantung pada hari pasaran ke-5 selepas pengumuman Syarikat Tersenarai Terlibat mengenai penolakan rayuan dari Pihak Berkuasa Meluluskan dan prosedur pembatalan penyenaiaan akan dimulakan terhadap Syarikat Tersenarai Terlibat tersebut.
- (7) Jika Syarikat Tersenarai Terlibat telah menyempurnakan pelaksanaan Pelan Penyelarasannya, ia mesti menyerahkan satu permohonan kepada Bursa bersama-sama semua dokumen bukti yang diperlukan untuk menunjukkan bahawa ia tidak lagi mencetuskan Kriteria Ditetapkan. "

[Pengeluaran Semula Nota Panduan No 3/2006]

“NOTA PANDUAN NO. 3/2006

**KRITERIA DAN KEWAJIPAN MENURUT KAEDAH 8.16
KEHENDAK-KEHENDAK PENYENARAIAAN**

Dikeluarkan berhubung Kaedah 8.16, 16.02 dan 16.09 Kehendak-kehendak Penyenaraian

Dan

Menurut Kaedah 2.09 dan 2.20 Kehendak-kehendak Penyenaraian.

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Panduan ini menyatakan, antara lain, yang berikut: -

- (a) kriteria berhubung keadaan kewangan dan tahap operasi syarikat tersenarai, penunaian satu atau lebih yang akan menghendaki syarikat tersenarai untuk mematuhi dengan ketentuan Nota Panduan ini (sebuah syarikat tersenarai yang memenuhi satu atau lebih kriteria di atas akan selepas itu disebut sebagai "Syarikat Tersenarai Terlibat"); dan
- (b) kehendak yang mesti dipatuhi oleh Syarikat Tersenarai Terlibat.

1.2 Tidak ada apa-apa dalam Nota Panduan ini yang akan dibaca untuk menyekat keluasan makna Kaedah 8.16 Kehendak-kehendak Penyenaraian.

1.3 Peruntukan Nota Panduan ini adalah dalam pembesaran dan bukan dalam pengurangan kewajipan dari syarikat tersenarai sebagaimana yang terkandung dalam Kehendak-kehendak Penyenaraian.

2.0 Kriteria

2.1 Menurut Kaedah 8.16 (2) Kehendak-kehendak Penyenaraian, Bursa menetapkan kriteria berikut (selanjutnya disebut sebagai "Kriteria Ditetapkan"), penunaian satu atau lebih darinya akan menghendaki syarikat tersenarai untuk mematuhi dengan peruntukan dari Kaedah 8.16 dan Nota Panduan ini: -

- (a) ekuiti pemegang syer syarikat tersenarai adalah sama dengan atau kurang dari 25% dari modal yang diterbitkan dan berbayar syarikat tersenarai dan ekuiti pemegang syer tersebut adalah kurang dari modal minimum yang diterbitkan dan berbayar sebagaimana yang dikehendaki di bawah Kaedah 8.18 (1) Kehendak-kehendak Penyenaraian;
- (b) jika syarikat tersenarai telah menanggung kerugian dalam mana-mana 1 tahun kewangan penuh bermula pada atau selepas penyenaiaannya, yang sama dengan atau melebihi jumlah ekuiti pemegang syernya pada akhir tahun kewangan tersebut dan ekuiti pemegang syer adalah sama dengan atau kurang dari 50% modal yang diterbitkan dan berbayar syarikat tersenarai pada akhir tahun kewangan tersebut;
- (c) jika syarikat tersenarai telah menanggung kerugian agregat dalam mana-mana 2 tahun kewangan penuh berturut-turut bermula pada atau selepas penyenaiaannya (selanjutnya disebut sebagai "tempoh kewangan tersebut"): -

- (i) yang melebihi jumlah ekuiti pemegang syernya pada akhir tempoh kewangan tersebut;
 - (ii) kerugian yang ditanggung pada tahun kewangan penuh kedua dari tempoh kewangan tersebut adalah 50% atau lebih dari kerugian yang ditanggung dalam tahun kewangan penuh pertama dari tempoh kewangan tersebut; dan
 - (iii) ekuiti pemegang syer adalah sama dengan atau kurang dari 50% modal yang diterbitkan dan berbayar syarikat tersenarai pada akhir tempoh kewangan tersebut;
- (d) penerima dan/atau pengurus telah dilantik ke atas aset syarikat tersenarai, subsidiari atau syarikat bersekutunya yang asetnya menyumbang sekurang-kurangnya 50% dari jumlah aset yang digunakan dari syarikat tersenarai;
 - (e) pembubaran subsidiari syarikat tersenarai atau syarikat bersekutu yang menyumbang sekurang-kurangnya 50% dari jumlah aset yang digunakan syarikat tersenarai;
 - (f) juruaudit telah menyatakan pendapat buruk atau penafian dalam akaun teraudit yang terakhir syarikat tersenarai;
 - (g) juruaudit telah menyatakan pendapat diubahsuaikan dengan penekanan pada keseluruhan semasa di dalam akaun teraudit yang terakhir syarikat tersenarai dan ekuiti pemegang syer syarikat tersenarai adalah sama dengan atau kurang dari 50% modal yang diterbitkan dan berbayar dari syarikat tersenarai;
 - (h) kemungkiran dalam pembayaran oleh syarikat tersenarai, subsidiari utama atau syarikat bersekutu utamanya, dalam kes yang berkanaan, sebagaimana yang diumumkan oleh syarikat tersenarai menurut Nota Panduan No 5/2006 dan syarikat tersenarai adalah tidak boleh memberikan pengisytiharan kesolvenan kepada Bursa;
 - (i) syarikat tersenarai telah digantung atau dihentikan: -
 - (i) semua perniagaannya atau perniagaan utamanya; atau
 - (ii) keseluruhan atau operasi utamanya,

Untuk apa-apa jua sebab termasuk, antara lain, disebabkan oleh atau akibat dari: -

- (aa) pembatalan, kehilangan atau tiada pembaharuan sesuatu lesen, konsesi atau hak lain yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti perniagaannya;
 - (bb) pelupusan perniagaan atau perniagaan utama syarikat tersenarai; atau
 - (cc) perintah mahkamah atau penghakiman yang diambil terhadap syarikat tersenarai melarang syarikat tersenarai dari menjalankan operasi utamanya atas alasan pelanggaran hak cipta produk dll; atau
- (j) syarikat tersenarai mempunyai satu perniagaan atau operasi yang tidak signifikan.

2.2 Bagi maksud Nota Panduan ini melainkan jika konteksnya menghendaki yang lain: -

- (a) komponen "ekuiti pemegang syer" hendaklah sebagaimana yang ditetapkan di bawah piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- (c) (Dipadamkan)
- (c) berhubung subperenggan 2.1(i) di atas, "utama" ertinya bahagian yang menyumbang atau menjana 70% atau lebih dari pendapatan syarikat tersenarai secara penyatuan berdasarkan pada akaun tahunannya teraudit atau tidak diaudit yang terakhir;
- (d) "perniagaan atau operasi tidak signifikan" ertinya perniagaan atau operasi yang menjana pendapatan secara penyatuan yang mewakili 5% atau kurang dari modal yang diterbitkan dan berbayar (tidak termasuk mana-mana syer keutamaan boleh tebus) syarikat tersenarai (selanjutnya disebut sebagai "Modal") berdasarkan akaun tahunannya teraudit atau tidak diaudit yang terakhir.

Untuk tujuan pengiraan, yang berikut akan terpakai: -

- (i) "pendapatan secara penyatuan" hendaklah terdiri dari pendapatan syarikat tersenarai, subsidiarinya, dan juga pendapatan dari syarikat-syarikat bersekutu syarikat tersenarai, yang dikira secara berkadar, berdasarkan pemegangan ekuiti syarikat tersenarai dalam syarikat bersekutu; dan
- (ii) jika terdapat perubahan kepada Modal di dalam tahun kewangan itu, Modal purata berwajaran untuk tahun kewangan itu akan digunakan. Modal purata berwajaran ertinya jumlah Modal pada awal tahun kewangan, diselaraskan dengan jumlah kenaikan atau pengurangan di dalam Modal semasa tahun kewangan itu dikali dengan satu faktor pemberat-masa. Faktor pemberat-masa adalah bilangan hari bahawa Modal tertentu belum dibayar sebagai sebahagian dari jumlah bilangan hari dalam tahun kewangan tersebut.

Contoh – Modal Purata Berwajaran untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2xx1

		Modal yang Diterbitkan dan Berbayar (RM)
1 Januar1 2xx1	Baki	10,000,000
1 Jun 2xx1	Terbitan 5,000,000 syer baharu untuk Tunai	15,000,000
1 Dis 2xx1	Terbitan 3,000,000 syer baharu untuk Tunai	18,000,000

Pengiraan purata berwajaran:

$$(10,000,000 \times 151/365) + (15,000,000 \times 183/365) + (18,000,000 \times 31/365) \\ = 13,186,301$$

- (e) penentuan sama ada mana-mana satu atau lebih Kriteria Ditetapkan adalah dipenuhi hendaklah berdasarkan pada akaun penyatuan teraudit atau tidak diaudit yang terakhir syarikat tersenarai; dan
- (f) berhubung subperenggan 2.1(b) dan (c) di atas, "kerugian" merujuk kepada kerugian yang berpunca daripada pemegang syer biasa syarikat tersenarai.

2.3 Contoh berikut akan menggambarkan penerapan subperenggan 2.1 (b) di atas: -

Contoh 1

A Bhd

Tahun Kewangan Berakhir (FYE)
31 Disember 2xx1 (FYE 1)

Kerugian (RM 'juta) (4)

Ekuiti
pemegang syer (RM' juta) 3

Modal yang Diterbitkan dan Berbayar
(RM' juta) 6

Dalam Contoh 1 di atas, syarikat tersenarai A Bhd menanggung kerugian berjumlah RM4 juta dalam FYE 1. Ekuiti pemegang syer untuk FYE 1 berjumlah RM3 juta. Modal yang diterbitkan dan berbayar A Bhd pada FYE 1 adalah RM 6 juta.

Oleh kerana jumlah kerugian telah melebihi jumlah ekuiti pemegang syer, dan ekuiti pemegang syer adalah sama dengan 50% dari modal yang diterbitkan dan berbayar A Bhd, A Bhd telah mencetus kriteria yang dinyatakan dalam subperenggan 2.1(b) di atas dan oleh itu mesti mematuhi dengan kehendak Kaedah 8.16 dan Nota Panduan ini.

2.4 Contoh berikut akan menggambarkan penerapan subperenggan 2.1 © di atas: -

Contoh 2

B Bhd

	FYE 31 Disember 2xx1 (FYE1)	FYE 31 Disember 2xx2 (FYE2)
--	--------------------------------------	--------------------------------------

Kerugian (RM 'juta)	(2)	(3)
------------------------	-----	-----

Ekuiti Pemegang syer (RM 'juta)	7	4
--	---	---

Modal yang diterbitkan dan berbayar (RM 'juta)	9	9
---	---	---

Dalam Contoh 2 di atas, syarikat tersenarai B Bhd mengalami kerugian berjumlah RM2 juta pada FYE 1. Ekuiti pemegang syer untuk FYE 1 berjumlah RM7 juta.

Pada tahun kewangan berikutnya, FYE 2, B Bhd mengalami kerugian berjumlah RM3 juta, sementara ekuiti pemegang syer berjumlah RM4 juta.

Modal yang diterbitkan dan berbayar untuk kedua-dua FYE1 dan FYE 2 B Bhd adalah RM 9 juta.

Kerugian agregat yang ditanggung oleh B Bhd dalam kedua-dua FYE 1 dan FYE 2 berjumlah RM5 juta, yang secara mutlak melebihi jumlah ekuiti pemegang syer untuk FYE 2 sebanyak RM4 juta. Di samping itu, jumlah kerugian yang ditanggung dalam FYE 2 adalah lebih daripada 50% daripada jumlah kerugian yang ditanggung dalam FYE 1 dan ekuiti pemegang syer adalah kurang dari 50% dari modal yang diterbitkan dan berbayar B Bhd pada FYE 2 .

Dengan demikian, B Bhd telah mencetuskan kriteria yang dinyatakan dalam subperenggan 2.1(c) di atas dan dengan itu mesti mematuhi kehendak Kaedah 8.16 dan Nota Panduan ini.

3.0 Kewajipan penzahiran Syarikat Tersenarai Terlibat

3.1 Menurut Kaedah 8.16 (2) (b) Kehendak-kehendak Penyenaraian, Syarikat Tersenarai Terlibat mesti mematuhi kehendak penzahiran berikut: -

- (a) mengumumkan yang berikut, dengan segera (selanjutnya disebut sebagai "Pengumuman Pertama") apabila Syarikat Tersenarai Terlibat memenuhi satu atau lebih dari Kriteria Ditetapkan: -
 - (i) bahawa syarikat tersenarai adalah Syarikat Tersenarai Terlibat menurut Nota Panduan ini;
 - (ii) kewajipan syarikat tersenarai menurut Nota Panduan ini;
 - (iii) akibat dari ketidakpatuhan dengan kewajipan tersebut; dan
 - (iv) status dari pelan syarikat tersenarai untuk mematuhi dengan kewajipan untuk menyelaraskan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah 8.16(2)(a) Kehendak-kehendak Penyenaraian) atau status usahanya untuk merumuskan pelan tersebut, mana yang berkenaan, atau jika tiada pelan atau apa-apa usaha untuk merumus pelan tersebut telah dilakukan, pernyataan negatif yang sesuai untuk hal itu;
- (b) mengumumkan status pelannya sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a)(iv) di atas dan bilangan bulan sehingga akhir rangka masa yang berkaitan sebagaimana yang disebut dalam perenggan 4.1 atau 4.2 di bawah ini, sebagaimana yang boleh terpakai, secara bulanan (selepas ini disebut sebagai "Pengumuman Bulanan") sehingga notis lebih lanjut daripada Bursa;
- (c) mengumumkan pematuhan atau ketidakpatuhannya dengan kewajipan tertentu yang dikenakan menurut Nota Panduan ini dengan segera; dan
- (d) mengumumkan perincian Pelan Penyelarasan sebagaimana disebut dalam Kaedah 8.16 (3) Kehendak-kehendak Penyenaraian, pengumuman yang mesti memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 3.2 di bawah ini (selanjutnya disebut sebagai "Pengumuman Diperlukan").

3.2 Pengumuman Diperlukan mesti memenuhi syarat-syarat berikut: -

- (a) pengumuman itu mesti mengandungi perincian Pelan Penyelarasan dan garis masa untuk pelaksanaan Pelan Penyelarasan sepenuhnya; dan
- (b) mesti diumumkan oleh Penasihat.

- 3.3 Syarikat Tersenarai Terlibat mesti memastikan bahawa sebelum membuat Pengumuman Diperlukan: -
- (a) semua perjanjian yang akan dimeterai dengan pihak ketiga sebagai sebahagian dari Pelan Penyelarasan, telah dilaksanakan dengan sewajarnya oleh semua pihak dalam perjanjian tersebut; dan
 - (b) jika Pelan Penyelarasan melibatkan satu kompromi atau pengaturan dengan pemiutang Syarikat Tersenarai Terlibat, Syarikat Tersenarai Terlibat telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memperoleh perjanjian secara prinsip dari pemiutang tersebut.
- 3.4 Pengumuman Bulanan mesti dibuat pada hari pertama pasaran setiap bulan bermula dengan bulan yang berikut dari tarikh Pengumuman Pertama.
- 4.0 Kewajipan untuk Menyelaraskan**
- 4.1 Syarikat Tersenarai Terlibat mesti menyerahkan Pelan Penyelarasan yang disebut dalam Kaedah 8.16 (3) Kehendak-kehendak Penyenaraian kepada Pihak Berkuasa Meluluskan sebagaimana yang disebut dalam Kaedah 8.16(2)(a) (i) Kehendak-kehendak Penyenaraian untuk kelulusan dalam 8 bulan dari tarikh Pengumuman Pertama (iaitu Rangka Masa Penyerahan).
- 4.2 Syarikat Tersenarai Terlibat mesti melaksanakan Pelan Penyelarasan dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa yang berkaitan.
- 5.0 Tarikh kuat kuasa**
- 5.1 Nota Panduan ini berkuat kuasa 8 Mei 2006.”